

Sukarelawan ceriakan mangsa banjir Bukit Tadong

BUKIT CHANGGANG - Kehadiran 24 Ahli Jawatankuasa Sukarelawan Kebajikan Masyarakat di dua lokasi pusat pemindahan banjir di Kuala Langat menceriakan lebih 200 kanak-kanak dan dewasa menerusi aktiviti sukaneka.

Pengerusinya, Hafez Shurridin berkata, tekanan mangsa banjir yang terpaksa tinggal sementara di pusat pemindahan banjir dan tidak dapat menjalani rutin harian mereka dikurangkan dengan berkongsi kegembiraan.

"Kita faham tekanan yang mereka hadapi dan untuk mengurangkannya kita adakan pelbagai sukaneka yang mana secara tidak langsung dapat memupuk kemesraan dalam hubungan sedia ada di samping membina hubungan dengan rakan baru.

"Biarpun ada yang masih tidak mengenali satu sama lain, semangat kerjasama dapat dipupuk dengan penglibatan menyeluruh mangsa banjir," katanya.

Pelbagai aktiviti menarik antaranya

tiup belon, rebut kerusi, cari gula-gula dalam tepung dan sebagainya.

Menurutnya, aktiviti julung kali diadakan dalam kalangan mangsa banjir itu bukan sahaja membuktikan sukarelawan berjaya mendekati masyarakat malah mampu menggerakkan mereka walaupun ketika berdepan bencana.

"Mereka bersungguh-sungguh memeriahkan aktiviti dan ternyata masing-masing dapat bergembira serta melupakan sekejap kesulitan berdepan banjir.

"Mereka tidak sangka, ada pihak yang datang ke pusat pemindahan dan mengadakan sukaneka dalam menghidupkan suasana ceria di situ," katanya.

Beliau berkata, menerusi kepelbagaian aktiviti sukaneka itu, secara tidak langsung mengeratkan hubungan sukarelawan dengan masyarakat sekali gus memudahkan kerjasama pada masa depan.

"Kita berharap, sukaneka ini dapat diteruskan sebagai antara aktiviti sukarelawan dalam mendekati masyarakat," katanya.



Sukarelawan bersama sebahagian mangsa banjir Bukit Tadong.